

Unisza agih makanan percuma

Tubuh Public Kitchen untuk bantu ringankan beban golongan kurang mampu

GONG BADAH — Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan Gunaan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) tampil dengan inisiatif tersendiri untuk membantu meringankan beban golongan berkemampuan dengan mewujudkan 'Public Kitchen'.

Kumpulan terdiri daripada 30 penuntut dan pensyarah itu diwujudkan

untuk mengagihkan makanan percuma kepada golongan berpendapatan rendah agar dapat mengurangkan perbelanjaan harian mereka.

Buat permulaan, kumpulan itu mengagihkan nasi bungkus dan minuman kepada penuntut serta kakitangan Unisza sahaja.

Yang dipertua fakulti itu, Muhammad Syazwan Ahmad Fauzi

berkata, peruntukan untuk membeli makanan itu diperoleh daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Fakulti Sains Sosial dan Gunaan serta beberapa pihak lain.

"Selain membantu golongan memerlukan, program itu secara tidak langsung dapat memupuk nilai murni dalam kalangan penuntut.

"Buat permulaan, makanan percuma diberikan kepada penuntut dan warga Unisza sahaja. selepas ini aktiviti akan diperluaskan kepada golongan miskin bandar dan penduduk miskin di kampung terutama di kawasan penempatan nelayan," katanya.

Kata Muhammad Syazwan, pihaknya berasa terpacu untuk melakukan kerja amal itu bagi membuat persediaan membantu mangsa banjir di Pantai Timur.

Menurutnya lagi, banjir besar yang melanda Pantai Timur terutama Kelantan pada penghujung tahun lalu sememangnya memberi kesan cukup besar.

"Kumpulan ini sebagai langkah siap sedia untuk menghulurkan bantuan segera kepada mereka



Nik Wan (tengah) memegang plak sebagai simbolik pelancaran 'Public Kitchen'.

yang memerlukan terutama dalam membantu menyediakan makanan kepada mangsa di pusat pemindahan," katanya.

Sementara itu, majlis pelancaran pasukan 'Public Kitchen' disempurnakan Timbalan Naib Canselor Unisza (Hal Ehwal Pelajar) Profesor Dr Nik Wan Nik Omar.



Penuntut Unisza beratur untuk mendapatkan makanan percuma daripada pasukan 'Public Kitchen'.

JOM SOLAT		
KUALA NERUS		
SUBUH		5:34
SYURUK		6:54
ZOHOR		1:06
ASAR		4:25
MAGHRIB		7:15
ISYAK		8:28